

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 14 APRIL 2016


KERATAN AKHBAR

16 NEGARA

KOSMO | KHAMIS 14 APRIL 2016



**PERLIS**  
KERAJAAN Perlis bakal mengemukakan permohonan cutuan bekalan air selepas paras air di Empangan Timah Tasoh, Kangar semakin berkurangan.



**SELANGOR**  
PENDUDUK di kawasan Hulu Langat merupakan daerah paling kritikal di negeri Selangor apabila sering mengalami gangguan bekalan air lojinnya yang semakin kering.



**KEDAH**  
BEBERAPA empangan yang makin menyusut di Kedah mendorong kerajaan negeri menghantar bekalan melalui lori tangki.

## Sumber air mentah di enam negeri semakin membimbangkan

Oleh AZHAR AHMAD

**KUALA LUMPUR** - Fenomena El Nino yang berlaku di negara ini sejak kebelakangan ini ternyata memberi impak besar kepada sumber air mentah di beberapa negeri.

Meskipun kebanyakan empangan masih lagi dalam keadaan terkawal, pengeluaran di beberapa loji rawatan air yang mengambili air mentah secara terus dari sungai telah berkurangan ekoran penurunan paras sungai.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam ke-

nyataannya semalam memberitahu, beberapa loji rawatan air (LRA) bersaiz kecil di Pahang, Kedah, Perlis, Perak, Selangor termasuk Johor tidak dapat menghasilkan jumlah air terawat seperti biasa.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Mohd. Ridhuan Ismail berkata, setakat ini, pihaknya hanya meluluskan permohonan Syarikat Air Johor Holdings dalam melaksanakan Operasi Bekalan Air Berjadual di dua



MOHD. RIDHUAN

daerah iaitu Kota Tinggi (bermula 18 April ini) dan Mersing (20 April ini).

Ujarnya, dua loji di LRA Gembut dan Lok Heng di Kota Tinggi dan LRA Sungai Mersing dan LRA Tengi, Mersing mengalami pengurangan antara 12 hingga 19 peratus.

Situasi di Pahang juga serupa apabila LRA Lubok Kawah menurun daripada 99.9 juta liter sehari (JLH) kepada 92.2 JLH iaitu pengurangan sebanyak tujuh peratus. Manakala LRA Jelai susut sebanyak 15 peratus daripada 16

JLH kepada 13 JLH; LRA Batu Sembilan pula berkurang pengeluarannya daripada 290,000 liter sehari kepada 190,000 liter sehari dan LRA Chini berkurang sebanyak 24 peratus kepada 12.5 peratus.

Di negeri Kedah pula, Mohd. Ridhuan berkata, impak cuaca panas memberi kesan kepada LRA Bukit Tupah, LRA Merbok dan LRA Gurun.

Penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya juga menerima tempias kepada cuai yang kurang menyenangkan ini.

Mohd. Ridhuan memberitahu, LRA Selisik, Hulu Selangor mengalami kekurangan pengeluaran daripada 1.3 JLH kepada 0.9 JLH iaitu pengurangan sebanyak 31 peratus.

"Ekoran itu, kawasan Hulu Langat mengalami gangguan bekalan dari semasa ke semasa," ujar beliau.

Sementara itu, di Perlis, ujarnya, Syarikat Air Perlis sedang memantau keadaan bekalan air di Empangan Timah Tasoh dan akan mengemukakan permohonan cutuan bekalan air dalam masa terdekat.

Paras air Sungai Mentiga makin kontang, pengguna kini bergantung pada air lori tangki

## Penduduk Chini 11 hari tiada air

Oleh IKHWAN IDERIS

**PEKAN** - Ketika negara sedang dilanda cuaca panas terik akibat fenomena El Nino, ribuan penduduk di sekitar Chini kini tertekan memandangkan bekalan air bersih ke kediaman mereka terjejas sejak 11 hari lalu.

Situasi tersebut berlaku akibat paras air Sungai Mentiga yang menjadi punca bekalan air utama kepada lebih daripada 1,500 akaun kediaman di Felda Chini, Felda Chini Timur, Kampung Gumum dan Kampung Mambang semakin surut dan berada pada paras kritikal.

Seorang penduduk Felda Chini Timur 3, **Nayan Baharom**, 60 berkata, rumahnya putus bekalan air sejak 11 hari lalu sehingga memaksanya menagih simpati jiran-jiran yang mempunyai tekanan air lebih tinggi untuk mendapatkan bekalan air untuk bersolat, memasak dan mandi.

"Sejak seminggu lalu, Pen-



PENDUDUK di Felda Chini 3 mendapatkan air dari lori tangki yang disediakan pihak Paip sejak 11 hari lalu.



AMINAH



NAYAN

Seorang lagi penduduk Felda Chini 3, **Aminah Husin**, 65, berkata, masalah bekalan air di kediamannya sudah lama berlarutan namun sejak 11 hari lalu, dia langsung tidak mendapat bekalan air paip.

Sebagai Nayan, Aminah



KAKITANGAN Paip sedang meninjau keadaan Sungai Mentiga yang surut hingga menyebabkan loji di Chini gagal menampung bekalan air mentah seperti biasa.

**Enam empangan surut ke paras kritikal**

KERATAN Kosmo! 6 April 2016.

juga bergantung sepenuhnya kepada lori tangki.

Sementara itu, **Pengurus Besar (Operasi) Paip, Amir Khan Ayob Mohamed** berkata, situasi bekalan air di Chini berada pada tahap kritikal memandangkan paras air Sungai Mentiga semakin surut.

Jelasnya, paras air Sungai Mentiga di Loji Air Chini kini berada pada paras 0.18 meter berbanding paras normal iaitu satu meter.

"Daripada tiga pam air di

loji ini, hanya satu pam yang boleh digunakan disebabkan paras air yang surut, ia juga hanya boleh digunakan untuk tempoh 12 jam sehari kerana sekiranya

pam berjalan untuk 24 jam sehari secara terus, kita khawatir air sungai akan jadi kering.

"Loji ini kini hanya mampu memproses sebanyak tujuh juta liter sehari berbanding kapasiti biasa iaitu 17 juta liter sehari," katanya.

Amir menjelaskan, pihaknya kini sedang berbincang dengan Jabatan Mineral dan Geosains negeri untuk membina telaga tiub sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang.

## Melaka bakal buat cutuan

**MELAKA** - Sekiranya paras air di Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah di sini terus mencatatkan penurunan dalam tempoh dua minggu dari sekarang, penduduk di negeri ini bakal berdepan dengan cutuan air.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, bacaan terkini paras air di empangan tersebut berada pada paras kritikal dengan kapasiti 50 peratus jauh melebihi paras normal sebanyak 75 peratus.

Menurut beliau, kerajaan negeri juga telah mengarahkan Badan Kawal Selia Air negeri untuk memeriksa kedalaman sebenar empangan berkenaan kerana kapasiti air sebanyak 50 peratus itu mungkin bercampur dengan mendakan dan lumpur.

"Jika jumlah sebenar bekalan air di Empangan Durian Tunggal kurang daripada 50 peratus, maka kita akan mula melaksanakan cutuan air di negeri ini dalam tempoh dua minggu lagi.

"Namun demikian, sekiranya jumlah sebenar kawasan tadahan itu kekal atau melebihi 50 peratus maka ia akan dapat terus bertahan sekurang-kurangnya dalam tempoh 30 hari," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800